



**KENAPA
SAYA
MAHU**



**ANDA
BERJAYA**

Dr Azizan Osman

RICHWORKS™

ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

Dr Azizan Osman adalah antara 100 Usahawan Paling Berpengaruh di Malaysia, yang diiktiraf oleh ICG (International Coach Guild) sebagai jurulatih perniagaan dan pemasaran bertaraf dunia, Jurulatih Kepimpinan Eksekutif yang diiktiraf oleh Berkeley Executive Coaching Institute, Berkeley University, Amerika Syarikat dan beliau juga menguruskan portfolio RichWorks Titanium, kumpulan usahawan perusahaan kecil dan sederhana dengan pertumbuhan jualan tahunan kumpulan yang telah mencecah lebih RM1 bilion.

Perjalanan beliau sebagai jurulatih bertaraf dunia bermula selepas beliau meninggalkan kerjaya pertamanya di firma broker 20 tahun yang lalu. Beliau bermula sebagai seorang usahawan secara berperingkat dari kosong tapi gagal dan hampir bankrap selama 3 tahun pertama sehingga beliau menemui formula sendiri serta strategi kekayaan dan kejayaan yang telah menjadikan beliau jutawan pada usia 32 tahun.

Azizan telah dinobatkan sebagai salah seorang daripada 100 Usahawan Muda Paling Berpengaruh pada tahun 2017 (The 100 Most Influential Young Entrepreneurs 2017). Beliau juga diiktiraf sebagai jurulatih yang ke-2 di dunia dan yang pertama di Asia yang mendapat pengiktirafan dari ICG Australia sebagai jurulatih perniagaan dan pemasaran bertaraf dunia, Credentialed Master Coach.

Setelah melalui pelbagai liku kehidupan dan jatuh bangun, beliau berhasrat untuk membantu lebih ramai orang dan usahawan untuk mencapai kejayaan dalam masa yang singkat dengan strategi dan mentoring yang terbukti berkesan.

Berdasarkan pengalaman lebih 20 tahun dan kepakaran beliau dalam menguruskan kempen pemasaran untuk SME dan jenama gergasi serta beberapa syarikat multinasional, beliau telah berjaya menerajui pembangunan usahawan Malaysia terutamanya bagi kaum bumiputra sejak 10 tahun yang lalu. Beliau telah membimbing lebih 10,000 perniagaan dalam lebih 1,500 ceramah dan seminar di dalam dan di luar Malaysia.

Buku antarabangsa pertamanya berjudul 'Beat the Curve' yang dikarang bersama Brian Tracy, tersenarai antara buku terlaris di Amazon pada tahun 2016. Selain itu, beliau adalah penulis untuk 10 judul buku perniagaan dan pemasaran di Malaysia. Lebih daripada 40 juta viewers telah mendapat manfaat menerusi sesi latihan dalam talian dan perkongsian video secara percuma di laman Facebook beliau di Azizan Osman Official yang telah mencecah 1 juta Followers, menerusi Facebook Live Talk Show yang disiarkan secara mingguan dan juga di saluran YouTube dan Instagram Azizan Osman.

Visi Dr Azizan Osman hari ini adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di dunia dan meningkatkan pendapatan isi rumah kepada lebih RM200 ribu setahun dan mewujudkan legasi 100,000 jutawan pada tahun 2030.

9/5/20
TO
FOC

**KENAPA SAYA
MAHU
ANDA
BERJAYA**



KENAPA SAYA MAHU ANDA BERJAYA

Dr Azizan Osman

PUSTAKA PERDANA



1013510

RICHWORKS™

ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

2019

Hak cipta © RichWorks Publications Sdn Bhd
Cetakan Pertama 2019

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis RichWorks Publications Sdn Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Azizan Osman, 1974- :

KENAPA SAYA MAHU ANDA BERJAYA / AZIZAN OSMAN

ISBN 978-967-0703-19-0

1. Motivation (Psychology) 2. Success 3. Self-actualization (Psychology)

Penerbitan sedaya upaya memastikan buku yang diterbitkan ini berautoriti dalam topik yang dibincangkan. Penerbit dan penulis buku tidak boleh menganggap memberikan khidmat perundangan atau khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya memerlukan khidmat dan bantuan pakar, sila dapatkan nasihat bertauliah dan berkelayakan.

Diterbit / Dicetak /
Diedar Oleh

RichWorks Publications Sdn Bhd
No 77, Jalan Badminton 13/29
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 1300-88-2424
www.richworks.com

Penasihat Penerbitan Zafrol Rizal Bin Mat

Editorial & Penerbitan Team RichWorks

Penulis Azizan Osman

Penafian: Semua maklumat yang dipaparkan adalah benar dan betul pada masa buku ini diterbitkan dan segala maklumat tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.

ISI KANDUNGAN

| BAHAGIAN A - KENAPA PERLU BERJAYA | | |
|--|--|-----------|
| BAB 1 : | APA ITU KEJAYAAN <ul style="list-style-type: none">• Kejayaan fizikal dan materialistik• Kejayaan spiritual | 1 |
| BAB 2 : | KENAPA PERLU BERJAYA - DEMI DIRI SENDIRI | 15 |
| BAB 3 : | KENAPA PERLU BERJAYA - DEMI AGAMA | 27 |
| BAB 4 : | KENAPA PERLU BERJAYA - DEMI KELUARGA DAN BANGSA | 35 |
| BAB 5 : | APA YANG KITA PERLUKAN UNTUK BERJAYA - PRINSIP KEJAYAAN <ul style="list-style-type: none">• Buat keputusan• Komiten• Fokus• Tindakan | 43 |
| BAB 6 : | APA YANG KITA PERLUKAN UNTUK BERJAYA - M.E.S.T.I. <ul style="list-style-type: none">• Mentor• Emosi + Ilmu• Sistem / Strategi• Tindakan• Impian | 57 |

| | | |
|--|--|------------|
| BAB 7 : | APA YANG KITA PERLUKAN UNTUK BERJAYA - KOLAM JIWA YANG BERSIH | 73 |
| BAB 8 : | TEORI PIRAMID KEJAYAAN AZIZAN OSMAN | 79 |
| BAHAGIAN B - 10 HALANGAN KEJAYAAN | | |
| BAB 9 : | HALANGAN PERTAMA - EGO | 91 |
| BAB 10 : | HALANGAN KEDUA - SKEPTIKAL | 105 |
| BAB 11 : | HALANGAN KETIGA - TAKUT <ul style="list-style-type: none"> • <i>Fear of rejection/ Takut Penolakan</i> • <i>Fear of failure/ Takut Gagal</i> • <i>Fear of poverty/ Takut Miskin</i> • <i>Fear of criticism/ Takut Kritikan</i> • <i>Fear of sickness/ Takut Sakit</i> • <i>Fear of losing someone or love/ Takut Kehilangan Tersayang</i> • <i>Fear of success/ Takut Berjaya</i> • <i>Fear of being alone/ Takut Keseorangan</i> • <i>Fear of aging/ Takut Tua</i> • <i>Fear of death/ Takut Mati</i> • <i>Fear of losing/ Takut Kehilangan Sesuatu</i> • <i>Fear of shame/ Takut Malu</i> | 113 |

| | | |
|---------------|--|------------|
| BAB 12 | HALANGAN KEEMPAT - PERASAAN TAK LAYAK | 155 |
| BAB 13 | HALANGAN KELIMA - PERASAAN TAK YAKIN <ul style="list-style-type: none">• Ilmu Yakin• Ainnul Yakin• Haqqul Yakin• Kamalul Yakin | 161 |
| BAB 14 | HALANGAN KEENAM - SUKA BERTANGGUH | 169 |
| BAB 15 | HALANGAN KETUJUH - SUKA BERALASAN | 175 |
| BAB 16 | HALANGAN KELAPAN - TERPENGARUH DENGAN PERKARA NEGATIF | 181 |
| BAB 17 | HALANGAN KESEMBILAN - MALAS | 189 |
| BAB 18 | HALANGAN KESEPULUH - TIDAK ADA KESUNGGUHAN | 193 |
| BAB 19 | KITA MESTI KAYA DAN BERJAYA | 199 |
| BAB 20 | KISAH INSPIRASI UBAH HIDUP | 205 |

BAHAGIAN A
KENAPA
PERLU
BERJAYA



BAB 1

APA ITU KEJAYAAN?

Mengenang kembali perjalanan kehidupan kita sejak kecil, kita telah melalui beberapa proses dalam kehidupan. Sewaktu kita kecil, kita banyak mencuba untuk melakukan perkara-perkara baru. Antara sebab kita melakukannya ialah kerana orang dewasa melakukannya. Melakukan perkara yang orang dewasa lakukan adalah penanda aras untuk kita ketika itu. Penanda aras untuk sebuah kejayaan, untuk meningkatkan diri kepada suatu tahap yang baru.

Ketika itu kita terus lakukan pencapaian demi pencapaian dan ianya bagaikan suatu kemestian. Sebagai contoh, kita mesti pandai menaiki basikal, kita mesti pandai memanjat pokok paling tinggi, kita mesti pandai berenang dan macam-macam lagi. Pada setiap kali kita mampu melakukannya untuk pertama kali, kita pasti rasa gembira. Anehnya, ketika itu kita tidak takut. Kita setakat ikut-ikut kawan. Pada pandangan kita ketika itu, jika kawan-kawan kita boleh melakukannya dengan senang dan bersahaja, kenapa tidak kita?

Pencapaian terbaik ke atas sesuatu perkara yang kita usahakan sehingga habis adalah suatu kejayaan. Pencapaian terbaik itu tidak semestinya sesuatu yang menggembirakan atau seperti yang kita harapkan, namun ianya mampu membawa kita ke suatu tahap yang lebih baik daripada diri kita sebelumnya. Apabila sesuatu pencapaian itu tidak setinggi atau sebaik yang kita harapkan, kita mungkin tidak gembira dengannya, namun bagi seseorang yang matlamatnya jelas, dia mampu mencari kebaikan sebalik pencapaian yang belum seberapa itu.

Apabila kita dewasa, definisi kejayaan itu menjadi lebih kompleks. Kita mula membina lebih banyak impian dan cita-cita. Kita mula membina harapan agar suatu hari nanti segala impian kita akan menjadi kenyataan. Cita-cita kita mula menjadi pelbagai rupa dan mencukupi ruang yang lebih luas. Jika dulu sewaktu kecil kita sekadar bercita-cita untuk mengayuh basikal sehingga ke hujung kampung sebelah, namun bila kita dewasa kita mula bercita-cita untuk memandu Ferarri ke seluruh Semenanjung! Itu antara contohnya.

Kejayaan pula boleh diukur dari beberapa aspek. Kebanyakannya adalah yang boleh dinilai oleh mata kasar. Hasil sebuah pencapaian boleh dinilai daripada perubahan-perubahan dalam bentuk fizikal dan material. Contohnya, seorang yang ingin mengurangkan berat badan akan berusaha untuk sentiasa bersenam dan menjaga pemakanan. Sehingga suatu tahap, orang ramai mampu melihat perubahan dari segi saiz badannya yang semakin kurus. Dan itu adalah sebuah kejayaan!

Kejayaan juga boleh diukur dari segi materialistik. Seseorang yang mencapai kejayaan dan peningkatan dalam kehidupan, dalam kerjaya atau perniagaannya boleh diukur dari segi kemampuan memiliki material yang lebih baik daripada apa yang dimiliki sebelumnya. Sebagai contoh, jika selama bertahun-tahun dia memandu kereta Proton Saga Wira Aeroback keluaran tahun 1998, dan tiba-tiba dia mampu memiliki kereta mewah BMW 7 Series selepas dinaikkan pangkat dalam kerjaya atau peningkatan dalam perniagaan, itu dilihat sebagai suatu kejayaan.

Kejayaan Fizikal dan *Material*

Bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh seseorang, ada beberapa faktor penting yang menyokong sehingga kita mampu mencapainya. Faktor-faktor ini menjadi dorongan untuk kita terus berusaha sehingga mencapai matlamat yang telah kita tetapkan. Ianya juga membantu untuk kita menahan segala kesakitan, kesusahan dan cabaran-cabaran yang bakal kita hadapi dalam proses untuk mencapai matlamat. Untuk mencapai sesebuah kejayaan, kita perlu tahu apa matlamatnya, apa yang menjadi ukuran kepada kejayaannya dan kenapa kita perlu berjaya. '*Why factor*' ini perlu didefinisikan dengan sejelas yang mungkin kerana ianya akan membuatkan kita untuk meneruskan usaha sehingga mencapai matlamat, tanpa mengira apa cabaran yang dihadapi. Jika kabur matlamat, kaburlah juga peta perjalanan kita untuk mencapai kejayaan.

Pencapaian terbaik ke atas sesuatu perkara yang kita usahakan sehingga habis adalah suatu kejayaan. Pencapaian terbaik itu tidak semestinya sesuatu yang menggembirakan atau seperti yang kita harapkan, namun ianya mampu membawa kita ke suatu tahap yang lebih baik daripada diri kita sebelumnya. Apabila sesuatu pencapaian itu tidak setinggi atau sebaik yang kita harapkan, kita mungkin tidak gembira dengannya, namun bagi seseorang yang matlamatnya jelas, dia mampu mencari kebaikan sebalik pencapaian yang belum seberapa itu.

Apabila kita dewasa, definisi kejayaan itu menjadi lebih kompleks. Kita mula membina lebih banyak impian dan cita-cita. Kita mula membina harapan agar suatu hari nanti segala impian kita akan menjadi kenyataan. Cita-cita kita mula menjadi pelbagai rupa dan mencukupi ruang yang lebih luas. Jika dulu sewaktu kecil kita sekadar bercita-cita untuk mengayuh basikal sehingga ke hujung kampung sebelah, namun bila kita dewasa kita mula bercita-cita untuk memandu Ferarri ke seluruh Semenanjung! Itu antara contohnya.

Kejayaan pula boleh diukur dari beberapa aspek. Kebanyakannya adalah yang boleh dinilai oleh mata kasar. Hasil sebuah pencapaian boleh dinilai daripada perubahan-perubahan dalam bentuk fizikal dan material. Contohnya, seorang yang ingin mengurangkan berat badan akan berusaha untuk sentiasa bersenam dan menjaga pemakanan. Sehingga suatu tahap, orang ramai mampu melihat perubahan dari segi saiz badannya yang semakin kurus. Dan itu adalah sebuah kejayaan!

Kejayaan juga boleh diukur dari segi materialistik. Seseorang yang mencapai kejayaan dan peningkatan dalam kehidupan, dalam kerjaya atau perniagaannya boleh diukur dari segi kemampuan memiliki material yang lebih baik daripada apa yang dimiliki sebelumnya. Sebagai contoh, jika selama bertahun-tahun dia memandu kereta Proton Saga Wira Aeroback keluaran tahun 1998, dan tiba-tiba dia mampu memiliki kereta mewah BMW 7 Series selepas dinaikkan pangkat dalam kerjaya atau peningkatan dalam perniagaan, itu dilihat sebagai suatu kejayaan.

Kejayaan Fizikal dan *Material*

Bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh seseorang, ada beberapa faktor penting yang menyokong sehingga kita mampu mencapainya. Faktor-faktor ini menjadi dorongan untuk kita terus berusaha sehingga mencapai matlamat yang telah kita tetapkan. Ianya juga membantu untuk kita menahan segala kesakitan, kesusahan dan cabaran-cabaran yang bakal kita hadapi dalam proses untuk mencapai matlamat. Untuk mencapai sesebuah kejayaan, kita perlu tahu apa matlamatnya, apa yang menjadi ukuran kepada kejayaannya dan kenapa kita perlu berjaya. 'Why factor' ini perlu didefinisikan dengan sejelas yang mungkin kerana ianya akan membuatkan kita untuk meneruskan usaha sehingga mencapai matlamat, tanpa mengira apa cabaran yang dihadapi. Jika kabur matlamat, kaburlah juga peta perjalanan kita untuk mencapai kejayaan.

Setelah kita mempunyai matlamat yang jelas, kenapa kita perlu mencapai impian, kita perlukan formula yang dapat membantu kita mencapai kejayaan. Formula kejayaan yang bagus sepatutnya adalah formula yang telah terbukti berkesan supaya kita tidak perlu berada dalam keadaan 'cuba-cuba dulu' atau '*try and error*' untuk mendapatkan cara terbaik dan terpantas bagi mencapai kejayaan. Formula yang saya aplikasikan dalam hidup sehingga saya mencapai apa yang saya impikan boleh saya ringkaskan kepada M.E.S.T.I iaitu Mentor, Ilmu, Sistem/Strategi, Tindakan dan Impian. Formula ini juga telah diaplikasikan oleh ramai individu yang berjaya di luar sana. Inilah yang menjadikan mereka hebat dalam apa yang mereka lakukan.

Ibaratnya seperti seorang yang mahu mendaki Gunung Kinabalu. Matlamatnya adalah untuk mendaki sehingga ke puncak dan dapat melihat sinaran fajar yang terbit dari puncak tertinggi di Asia Tenggara itu. Persediaan yang dilakukan merangkumi persediaan dari aspek fizikal dan mental. Tahukah anda, untuk berjaya mendaki Gunung Kinabalu, anda memerlukan latihan intensif paling minima selama tiga bulan? Tubuh badan perlu disiapkan sepenuhnya untuk menghadapi cabaran mendaki gunung berketinggian 4,905.2 meter dari aras laut itu. Mental juga perlu kuat untuk menangkis segala fikiran-fikiran negatif yang meracuni minda dan sistem tubuh badan.

Pendaki juga akan mula mencari mentor dan mula mencari ilmu-ilmu dengan membuat beberapa kajian daripada pendaki-pendaki terdahulu, untuk mendapatkan tip pendakian yang baik. Kemudian, pendaki akan mula melakukan latihan-latihan untuk meningkatkan stamina seperti mendaki bukit-bukit yang lebih kecil seperti Bukit Broga di Semenyih dan lain-lain lagi. Ini adalah strategi yang

perlu mereka ambil untuk memastikan mereka tidak 'pancit' di pertengahan pendakian! Pendaki juga akan mula menempah tiket penerbangan dan hotel serta pakej pendakian. Ini semua adalah sebahagian daripada tindakan awal untuk mencapai impian. Tindakan yang utamanya ialah di hari pendakian tersebut, pendaki akan mula mendaki dan terus mendaki walaupun telah mula rasa kesakitan di betis dan tubuh badan mula penat.

Ketika ini, fikiran-fikiran negatif mula menyerang minda. Hanya minda yang betul-betul kuat mampu menangkis segala kata-kata 'budak kecil' yang mula meracuni fikiran dan tubuh badan. Kesakitan dan kepenatan yang mula dirasakan di seluruh tubuh badan hanyalah kerana fikiran telah berjaya meracuni sistem tindakan kita. Sehingga kita rasa kita hampir berputus asa. Bagus saja untuk patah balik dan tidak perlu teruskan lagi pendakian tetapi minda yang kuat ditambah lagi dengan matlamat yang jelas dengan mudah akan mematahkan suara-suara 'budak kecil' ini. Kita akan meneruskan tindakan sehinggalah kita mampu menghabiskan pendakian dan tiba di puncak Gunung Kinabalu dan boleh menikmati sinar matahari dari atas puncak. Itu adalah suatu kejayaan!

Sebenarnya, sedar atau tidak, kejayaan yang utama ialah ketika kita mampu melawan suara-suara kecil dan negatif yang berbisik-bisik di telinga dan hati kita pada saat kita melakukan tindakan-tindakan yang kadang-kala amat sukar dan menyakitkan. Pujangga ada berkata "*Success is a journey, not a destination.*" Kejayaan adalah bagaimana cara atau perjalanan kita untuk mencapainya, bukan apa destinasiya. Sebaik sahaja kita tiba di puncak Gunung Kinabalu maka tercapailah impian kita, kita mungkin rasa sangat gembira dan puas. Setiap kali kita merenung gambar-gambar yang

kita ambil, kita rasa bangga akan pencapaian diri sendiri. Kenapa? Bukan hanya kerana kita dapat mengambil gambar di puncak Gunung Kinabalu sambil melihat matahari terbit, tetapi bila kita kenangkan kembali saat-saat di mana kita hampir berputus asa akibat daripada kesakitan dan keletihan, namun kita berjaya menolak diri dan melawan segala kata-kata negatif. Andai kita ikutkan suruhan-suruhan negatif itu, kita mungkin tidak dapat menjejakkan kaki ke puncak gunung. Melihat sendiri matahari yang baru terbit dari puncak Gunung Kinabalu yang diselimuti awan adalah hadiah terindah kepada segala kesakitan dan tindakan yang sanggup kita ambil.

Kejayaan dari segi fizikal adalah sesuatu pencapaian hebat yang membezakan kita dengan orang lain. Ini menunjukkan cita-cita kita lebih besar daripada cita-cita orang lain dan seterusnya inilah yang menjadikan kita berbeza daripada individu lain. Ada antara kejayaan fizikal ini boleh membawa keuntungan dari segi material dan kewangan kepada kita. Seseorang yang mempunyai impian yang kuat untuk menjadi ahli sukan yang hebat, selepas memenangi beberapa pertandingan mungkin akan mendapat tajaan dari mana-mana pengeluar produk dan akhirnya menjadikan mereka memiliki kejayaan berbentuk *material*.

Kejayaan *material* menunjukkan bahawa pencapaian kita telah menjadikan taraf hidup kita berbeza daripada hidup sebelumnya. Seperti selebriti terkenal, Afdlin Shauki yang dulunya pernah tinggal di rumah flat dan kini mampu memiliki rumah yang lebih mewah hasil daripada penglibatan beliau dalam dunia lakonan, penerbitan dan juga perniagaan beliau sendiri. Beliau sendiri tidak pernah menyangka beliau mampu menjadi seorang jutawan hasil daripada usaha kerja kerasnya. Ini pernah dikongsikan oleh beliau dalam salah satu program Seminar Hidup Luar Biasa di mana saya pernah menjemput Afdlin Shauki untuk berkongsi pengalamannya dan antara kisah yang dikongsi ialah bagaimana dia pernah ditertawakan oleh orang ramai hanya kerana dia bercita-cita untuk menyanyi bersama Sheila Majid dan berlakon bersama Awie. Lihat hasilnya sekarang! Beliau telah berjaya mencapai kedua-dua impiannya!

Ramai antara kita mempunyai impian untuk memiliki kejayaan dari segi *material*. Ukuran kejayaan dari segi *material* selalunya menjadi pendorong kuat kepada ramai manusia. Kita rasakan kita telah berjaya dalam hidup apabila memiliki rumah dan kereta besar seperti yang kita impikan, kita fikir kita telah mencapai apa yang kita inginkan bila kita mampu kerap melancong ke luar negara dan pelbagai lagi impian yang telah tercapai. Kita jadikan kemampuan kita memiliki barang-barang mewah atau *material* yang lebih baik kualiti dan jenamanya sekarang sebagai penanda aras daripada kejayaan kita pada masa lepas.

Apa yang penting bagi setiap kejayaan adalah 'result' atau hasil daripada penat lelah yang telah kita usahakan. Dalam proses mencapai hasil tersebut, sedar tak sedar banyak yang kita korbakan. Dalam proses mencapai kejayaan, antara perkara utama yang kita korbakan ialah masa. Masa kita dengan diri sendiri, dengan keluarga dan dengan Allah SWT.

Seringkali kita dengar ada yang sanggup tidak tidur berhari-hari hanya kerana ingin memburu cita-citanya. Ada yang sanggup berpenat lelah dan bersusah payah demi mencapai impiannya. Setiap masa yang kita ada, kita gunakan sepenuhnya untuk mencapai impian. Alhamdulillah, akhirnya dengan izin Allah SWT kita dapat apa yang kita mahu dan usahakan, tetapi adakah berbaloi? Untuk berjaya, kita mungkin perlu menggadaikan harta benda untuk dijadikan modal perniagaan, namun perlukah kita menggunakan 24 jam yang kita ada semata-mata untuk berusaha mencapai impian, sehingga sanggup menggadaikan masa dengan Tuhan? Adakah itu boleh dikira sebagai suatu kejayaan?

Kejayaan *Spiritual*

Kejayaan juga boleh diukur dari segi kerohanian dan bagi saya ini adalah sesuatu yang penting dan harus diutamakan. Ini kerana, kita sebagai umat Islam perlu sedar hidup kita bukan setakat di dunia tetapi kehidupan yang sebenar adalah kehidupan di akhirat. Kehidupan di akhirat adalah yang lebih kekal. Kita tidak mahu menjadi hamba Allah SWT yang gagal di akhirat kerana akibatnya kita bakal menjadi penghuni neraka. Nauzubillah.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat) sehingga engkau redha (berpuas hati).”

~ Ad Dhuha: 5 ~

Sesungguhnya kejayaan itu adalah milik Allah SWT. Dialah yang menganugerahkan kejayaan kepada kita. Kita hanya mampu berusaha sedaya upaya namun Allah SWT yang menentukan sebesar mana kejayaan yang bakal kita perolehi. Namun, sesungguhnya Allah SWT menurut sangkaan hambaNya. Kita seharusnya berharap supaya Allah SWT itu mengurniakan kita dengan segala kejayaan kerana Dialah yang Maha Memberi nikmat kepada hambaNya.

Saya selalu berpesan kepada anak didik saya *“How you do anything is how you do everything.”* Cara kita melakukan sesuatu perkara menunjukkan bagaimana cara kita melakukan perkara yang lain. Jika kita suka melakukan sesuatu perkara separuh jalan, atau melakukannya sehingga melupakan perkara-perkara lain yang lebih wajib, maka itulah juga caranya kita melakukan perkara-perkara lain di sekeliling kita. Untuk berjaya, kita perlu tahu apa keutamaan kita supaya kejayaan yang dimiliki itu nanti adalah hasil daripada tindakan yang terbaik.

Bila membuat perbandingan tentang kejayaan di dunia dan kejayaan di akhirat, manusia ini akan dibahagikan kepada empat bahagian:

- **Miskin di dunia dan berjaya di akhirat** adalah situasi di mana seseorang yang tidak mempunyai kekayaan harta dunia, namun dia sangat tekun beramal demi mengejar kekayaan di akhirat. Walaupun dia sudah berusaha sedaya upaya, namun kekayaan masih bukan miliknya. Tetapi dia tidak berputus asa dan tidak pernah menyalahkan Allah SWT bahkan kesusahan menjadikan dia semakin rapat dengan Allah SWT.
- **Kaya di dunia dan miskin di akhirat** adalah di mana seseorang yang kaya dengan harta dunia namun kesibukannya mengejar kekayaan dunia menjadikannya melupakan Allah SWT. Dia terlampau sibuk dengan cita-cita mengejar kejayaan dunia sehingga dia tiada masa untuk merapatkan dirinya dengan Allah SWT. Menunaikan suruhan Allah SWT adalah tidak menjadi keutamaan mereka. Mengingati Allah SWT dan Rasulullah SAW adalah tidak penting bagi mereka.
- **Miskin di dunia dan miskin di akhirat** adalah keadaan yang paling buruk dan hina yang bakal dihadapi oleh seseorang manusia apabila dia berada dalam keadaan miskin dan tanpa kekayaan dunia dan masih enggan menyembah Allah SWT. Paling hina bila sudahlah dalam kemiskinan di dunia, dia memilih untuk menjauhi Allah SWT dengan melakukan pula perkara-perkara yang tidak disukainya. Bila dia mati dalam keadaan miskin harta dan miskin jiwa, hanya Allah SWT sahaja yang bakal menentukan nasibnya di akhirat kelak.
- **Kaya di dunia dan berjaya di akhirat** adalah suatu keadaan yang paling baik yang patut ada dalam setiap umat Islam. Ianya patut dijadikan sebagai suatu pencetus semangat kepada seluruh umat Islam.

Bayangkan apabila seluruh umat Islam kaya-raya, mempunyai harta dan kemampuan material yang sangat besar namun dalam masa yang sama hidup dalam penuh kesederhanaan. Walaupun kaya-raya dengan segala kemewahan dunia, masing-masing saling berlumba-lumba dalam mengerjakan suruhan Allah SWT. Sunnah Rasulullah menjadi amalan seharian. Masing-masing saling berebut untuk melakukan amal jariah dan semua aktiviti seharian dilakukan demi mendapatkan redha Allah SWT.

Bagi saya, kejayaan *spiritual* dapat dicapai apabila kita mampu mendahulukan Allah SWT dalam segala apa yang kita lakukan. Kita mampu untuk menunaikan segala suruhanNya dengan penuh kekhusyukan. Kita dapat menyempurnakan ibadah kita kepadaNya dengan penuh berkualiti. Saya percaya, ini dapat dilakukan sekiranya kita mempunyai banyak ruang masa. Kita tidak perlu terkejar-kejar untuk menunaikan solat. Kita mampu menunaikan segala yang fardhu dan yang sunat pada setiap masa dan bukan bila kita ada masa sahaja.

Bila kita ada kebebasan masa, kita dapat mendahulukan Allah SWT dan Rasulullah SAW setiap waktu. Saya mahu anda tanya diri sendiri, adakah sekarang kita meluangkan banyak masa untuk mendekati diri kepada Allah SWT atau kita hanya mencari Allah SWT bila kita ada masa terluang? Dalam kesibukan kita dengan urusan seharian, mampukah kita mengerjakan suruhan Allah SWT dengan penuh kekhusyukan? Syukur, Alhamdulillah sekiranya anda masih dapat bangun awal pagi untuk menunaikan tahajud, membaca Al-Quran, berjemaah di masjid dan menunaikan solat-solat sunat yang lain di celah-celah kesibukan anda.

Tahniah, saya ucapkan kerana dulu saya tidak mampu untuk melakukan sedemikian. Selepas bergelut untuk membangunkan perniagaan, saya akhirnya dapat membina satu perniagaan dalam bidang pengiklanan di mana saya menguruskan projek-projek yang bernilai ratusan jutaan ringgit. Saya selalu ceritakan kisah saya ini di dalam program-program yang saya kendalikan kerana saya mahu ianya menjadi iktibar kepada semua yang menghadiri program-program ini. Saya tidak mahu anda menjadi seperti saya.

Ketika itu, saya terlampau sibuk menguruskan perniagaan saya. Saya keluar bekerja awal pagi, kadang-kadang terpaksa 'berjemaah Subuh di dalam kereta'. Adakalanya, 'solat Zohor saya jamak dengan solat Asar', walaupun saya bukan dalam perjalanan sejauh 90 marhalah! Hidup saya huru-hara. Saya tidak punya waktu untuk bersama keluarga dan akhirnya hidup rumah tangga saya porak-peranda.

Keadaan ini membuatkan saya berfikir, ketika itu saya sudah mencapai RM1 juta saya yang pertama namun, apa gunanya segala kejayaan dan kekayaan yang saya miliki jika saya tidak punya masa untuk saya luangkan untuk diri sendiri, masa bersama keluarga dan yang paling penting masa untuk bersama-sama Allah SWT. Saya dibesarkan di Johor dan saya menamatkan pengajian di sekolah agama yang saya hadiri pada sebelah petang. Saya tahu pentingnya untuk kita menjaga hubungan dengan Allah SWT, tetapi saya setakat tahu. Kesibukan menghalang saya daripada menjalinkan hubungan mesra dengan Allah SWT.

Rentetan peristiwa yang berlaku kepada saya membuatkan saya bercita-cita untuk mencipta kebebasan kewangan dan kebebasan masa untuk saya nikmati. Dan saya bercadang untuk berkongsi ilmu-ilmu yang saya ada ini dengan ramai orang. Definisi kejayaan bagi saya ialah apabila kita dapat mencapai semua cita-cita dan impian dan dalam masa yang sama kita mampu menikmatinya bersama orang-orang yang kita sayang, serta kita dapat berkongsi kejayaan dan kekayaan kita itu dengan cara membantu lebih ramai orang lain.

Ini yang saya ingin terapkan kepada semua pelajar saya, kita berjaya sehingga kita kaya dan kita mampu menikmati kekayaan yang kita ada bersama keluarga serta dalam masa yang sama dapat membantu lebih ramai orang lain serta dapat mendekati diri dengan Allah SWT supaya kita juga dapat berjaya di akhirat kelak.

Namun, kejayaan tidak akan kita capai dalam sekelip mata tanpa tindakan yang pantas dan berterusan. Ada orang akan kaya setelah berpuluh tahun berusaha. Ada yang langsung putus asa separuh jalan. Saya akan kongsi dengan anda apa halangan untuk mencapai kejayaan tetapi sebelum itu tanya diri sendiri kenapa kita perlu berjaya?

KENAPA SAYA MAHU ANDA BERJAYA

Saya sering ditanya bagaimana saya boleh mencapai kejayaan seperti sekarang. Apa yang perlu dilakukan untuk berjaya seperti saya dan berbagai soalan lagi yang berkaitan dengan kejayaan. Alhamdulillah, ramai yang mahu menjadikan saya sebagai mentor. Saya sangat bersyukur kerana diberi peluang untuk membantu lebih ramai orang.

Sepanjang saya menelusuri kehidupan, saya sudah alami jatuh bangun, tersungkur, terduduk dan terlentang dalam menongkah arus kehidupan dan dalam perniagaan. Namun, dengan izin Allah S.W.T, itulah yang menjadikan saya seperti saya sekarang. Pengalaman jatuh bangun tu adalah sangat menyakitkan dan saya tidak mahu anda semua menjadi seperti saya.

Di dalam dunia yang serba pantas ini, kejayaan sepatutnya lebih mudah untuk dicapai. Saya akan rasa sangat gembira jika anda mampu mencapai kejayaan yang lebih besar dari saya dalam tempoh yang lebih pantas dari apa yang saya capai. Saya tidak mahu anda "delay" kejayaan anda kerana kita tidak tahu umur kita ini sampai bila dan sepanjang mana.

Untuk itu, saya mahu berkongsi dengan anda **KENAPA SAYA MAHU ANDA BERJAYA** kerana sebenarnya itulah antara tujuan saya iaitu untuk membantu lebih ramai orang berjaya mencapai matlamat hidup. Adakah anda sedar, anda sebenarnya tidak lagi sepatutnya gagal mencapai apa yang anda inginkan. Kita hidup di dalam zaman di mana kejayaan mencapai cita-cita itu adalah sesuatu kemestian. Dan anda juga MESTI BERJAYA!

KENAPA SAYA MAHU ANDA BERJAYA menggariskan sebab-sebab yang menghalang anda dari mencapai kejayaan dan tip-tip serta formula-formula yang dapat membantu membangkitkan semangat anda yang selama ini asyik gagal sahaja. Fikirkan apa matlamat hidup anda? Adakah anda sudah cukup membantu ibu bapa dan ahli keluarga? Adakah anda sudah puas memberi kepada insan-insan yang susah di luar sana?

Mungkin ada orang lain tidak mahukan anda berjaya dan berharap supaya anda sama sahaja seperti mereka tetapi ingat pesan ikhlas ini, saya betul-betul mahukan anda berjaya. Bagi saya, bila anda berjaya, anda akan mampu untuk bantu lebih ramai orang lain. Melihat kejayaan anda adalah suatu kejayaan bagi saya.

Hadamkan buku ini dan teruskan tindakan bertubi-tubi. Usah gentar, ambil tindakan dan realisasikan impian anda hari ini.

ISBN 978-967-0703-19-0



9 789670 703190

RM35.00 (Sem. Malaysia)
RM38.00 (Sabah & Sarawak)

RICHWORKS™

ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS